

**Majlis Apresiasi Kecemerlangan dan Sanjungan Kasih Institut Tanah dan Ukur Negara  
(INSTUN) Sesi 2025**

27 April 2026, Tanjung Malim - Majlis Apresiasi Kecemerlangan dan Sanjungan Kasih Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) bagi sesi 2025 telah berlangsung dengan penuh makna dan jayanya pada hari ini bertempat di Auditorium INSTUN. Majlis dimulakan dengan sesi tayangan montaj bagi meraikan jasa dan bakti pesara, Encik Nadzme bin Abdul Hamid, sebagai tanda penghormatan atas dedikasi beliau sepanjang tempoh perkhidmatan beliau.

Encik Nadzmee juga turut berbesar hati diberi kesempatan menyampaikan ucapan pada majlis tersebut. Ybrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN turut menyampaikan ucapan perasmian dan penghargaan serta menzahirkan apresiasi kepada seluruh warga INSTUN yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi sepanjang bergelar penjawat awam.

Acara kemuncak majlis hari ini adalah penyampaian anugerah kepada individu-individu cemerlang yang telah menunjukkan prestasi luar biasa, iaitu Anugerah Penceramah Muda Cemerlang, Anugerah Penceramah Cemerlang, Anugerah Keterampilan INSTUN dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2025. Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin semangat untuk terus melakar kecemerlangan dan memperkukuh budaya kerja berprestasi tinggi. Sekalung tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah.





